

UMS-KAL mahu selesai masalah pelajar

16.4.2011 UB 7.A7

LABUAN: Program Hari Bertemu Pelanggan 2011 peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah diadakan buat pertama kalinya pada 13-15 April lalu.

Sebanyak 12 kaunter telah dibuka iaitu Pejabat Bahagian Pentadbiran, Sekolah Perniagaan dan Kewangan

“Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu wadah untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang sedia ada dalam kita merealisasikan matlamat ke arah sebuah universiti yang disegani bukan sahaja di negara ini malahan di arena antarabangsa.”

PROF MADYA DR SHARIFF ABDUL KADIR OMANG
Pengarah UMS-KAL



DIALOG ... Nur Iman Reedzal (kanan) mengendalikan sesi dialog antara pengurusan UMS-KAL dengan pelajar dan kakitangan.



ketiga Pejabat Kolej Beta, anugerah individu yang paling banyak membaca buku di perpustakaan dan hadiah cabutan bertuah.

Dalam ucapannya, Dr Shariff berkata program itu bertujuan memberi peluang kepada pelanggan khususnya pelajar dan kakitangan untuk menyampaikan kritikan secara membina melalui saluran yang betul. Katanya, dengan

kita merealisasikan universiti yang disegani ini malahan di arena antarabangsa,” katanya.

DAFTAR ... Kakitangan mendaftar untuk menghadiri acara perasmian dan penutupan.

Antarabangsa Labuan, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Bahagian Kewangan, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar serta Bahagian Sukan.

Kaunter lain ialah Sekolah Sains Informatik Labuan, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Bahagian Keselamatan dan Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid telah menerangkan fungsi dan perkhidmatan masing-masing di ruang legar Bangunan Menara UMS-KAL.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang di Dewan Theatre kelmarin.

Turut diadakan sesi dialog bersama pelajar dan pensyarah, penyampaian hadiah Amalan 5S yang dimenangi Bahagian Akademik, kedua Bahagian Pentadbiran dan



TERIMA ... Mas Adi (kanan) menerima hadiah johan kaunter terbaik daripada Dr Shariff.



TERBANYAK ... Azleena Nordin (kiri) memenangi hamper sebagai kakitangan paling banyak membaca di perpustakaan.



SAMBUTAN ... Sambutan mengalakkan daripada pelajar.

menggunakan saluran yang betul, ia akan membantu mempercepatkan penyelesaian masalah yang dihadapi pelajar dan kakitangan dengan lebih efektif dan berkesan.

Selain itu, melalui program itu, semua bahagian boleh menerangkan fungsi masing-masing sekaligus meningkatkan kefahaman warga UMS-KAL terutamanya pelajar terhadap bahagian yang ada di universiti itu.

“Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu wadah untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang sedia ada dalam



ALBUM ... Dr Shariff bergambar kenangan bersama Jawatankuasa Penganjur Hari Bertemu Pelanggan UMS-KAL 2011.